



MOT BULETIN

Edisi 6

Jun 2018



Keselamatan Jalan Raya keutamaan MOT



Setiap kali menjelang musim perayaan sama ada perayaan Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali, Hari Natal serta perayaan-perayaan lain dan cuti panjang serta cuti persekolahan, pihak Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) akan giat menjalankan pelbagai program, inisiatif dan kempen kesedaran bagi memastikan keselamatan jalan raya di kalangan pengguna jalan raya terjamin.

Seperti tahun-tahun yang lalu, JKJR bersama-sama agensi kerajaan dan pihak swasta yang terlibat sekali lagi bekerjasama dalam Ops Bersepadu bagi musim perayaan Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 2018. Untuk tahun ini, fokus Operasi bersepadu ini memberi tumpuan khusus kepada pemandu bas ekspres serta

penunggang motosikal .Agensi-agensi yang terlibat termasuk pasukan polis trafik Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JP), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Kementerian Kesihatan, MIROS, Angkatan Pertahanan Awam, Pihak Bomba dan Penyelamat, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), syarikat-syarikat konsesi lebuhraya, Petronas dan banyak lagi pihak.

Matlamat utama pelaksanaan kempen dan operasi itu adalah bagi mengurangkan jumlah kemalangan dan kadar kematian yang disifatkannya amat serius dan membimbangkan. Ini dapat dilihat menerusi statistik kemalangan yang merekodkan jumlah keseluruhan kemalangan jalan raya pada tahun lalu meningkat sebanyak 2.4%

aitu 533,875 kes berbanding 521,446 kes pada 2016. Namun begitu, inisiatif Ops Bersepadu ini dapat dilihat keberkesananya berdasarkan penurunan kadar kematian sebanyak 5.76% sepanjang tempoh kempen dan operasi pada tahun lalu iaitu 6,740 berbanding 7,152 (2016).

Ops Bersepadu kali ini telah dilancarkan oleh Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Loke Siew Fook dan telah diadakan di Kawasan Rehat dan Rawat (RnR) Seremban arah selatan pada 7 Jun 2018 yang lalu.



SELAMAT HARI RAYA
AIDILFITRI

Maaf Zahir & Batin

Ikhlas daripada

YB Loke Siew Fook
Menteri Pengangkutan Malaysia

#Info Psikologi

“Kesalahan itu belum salah jika diperbaiki.Kesalahan yang tidak bisa diperbaiki itulah yang benar-benar salah.”

Balik Kampung lebih mudah dengan ETS



Di samping itu, keselesaan yang ditawarkan oleh perkhidmatan ini dari segi tempat duduk, fasiliti, koc buffet, tandas dan paling penting harga berpatutan menjadi antara elemen yang menjadikan ETS semakin digemari.

Maka, menyedari permintaan yang cukup tinggi sempena Hari Raya Aidilfitri yang lalu, pihak KTMB telah menambah enam (6) perkhidmatan kepada 36 perkhidmatan sedia ada menjadikan jumlah keseluruhan perkhidmatan ETS sepanjang tempoh musim perayaan ini sebanyak 42 perkhidmatan dengan lebih daripada 200,000 tiket yang ditawarkan, iaitu pertambahan hamper 20,000 tiket.

Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook sendiri telah meninjau perkhidmatan ETS ini bagi memastikan kelancaran bagi keselesaan para penumpang pada 11 Jun yang lalu di stesen KL Sentral. Di majlis yang sama, YB Menteri juga turut mengedarkan lebih 1,000 pek Aidilfitri kepada para penumpang kereta api bagi perkhidmatan ETS serta Komuter menjelang Hari Raya. Majlis berakhir dengan YB Loke bersama-sama pengurusan KTMB meraikan lebih 40 anak-anak yatim Pusat Jagaan Suci Rohani dalam satu majlis berbuka puasa serta sumbangan Aidilfitri kepada mereka.

Perkhidmatan Tren Elektrik KTMB atau lebih popular dengan singkatan ETS yang semakin mendapat tempat di kalangan pengguna pengangkutan awam sebagai mod utama pilihan terutamanya pada musim perayaan dan cuti panjang. ETS menjadi pilihan utama rakyat Malaysia kerana perkhidmatannya yang efisien, lancar, mudah dan paling utama cepat sampai ke destinasi yang dituju dengan kelajuan tren mencecah 140km sejam.

Perdana Menteri muncul dalam video pendek keselamatan jalan raya



Satu video berkisar tentang keselamatan jalan raya menjadi tular apabila YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri muncul sebagai teraju utama dalam video berdurasi pendek tersebut bersempena sambutan Hari Raya Aidilfitri. Turut sama membintangi video tersebut adalah Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook. Video pendek ini adalah sebahagian daripada kempen Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), yang telah disiarkan di stesen televisyen utama negara dan aman media sosial lebih kurang seminggu sebelum Hari Raya.

Di dalam video pendek yang berkonsepkan dialog santai ini, Tun Mahathir menasihati orang ramai untuk memberi perhatian kepada keselamatan jalan raya terutama bagi mereka yang pulang ke kampung untuk beraya.

<https://youtu.be/npMUMdOrweE>